

Banjir kilat jejas KL

40 kereta tenggelam selepas hujan lebat 2 jam di ibu negara

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Kira-kira 40 kenderaan ditenggelami banjir kilat di Kolej Multimedia Telekom Malaysia Bhd di Jalan Gurney di sini, serta kawasan berhampiran berikutan hujan lebat sejak jam 3.30 petang di sekitar ibu negara semalam.

Kebanyakan kenderaan milik pelajar dan kakitangan kolej berkenaan serta pekerja Telekom Malaysia (TM) yang sedang menjalani kursus di situ ditenggelami air yang naik setinggi lebih lima meter.

Banjir kilat berkenaan turut menyebabkan 23 wanita dan seorang lelaki terperangkap di dalam sebuah bangunan yang dijadikan asrama

pelajar selain 16 kanak-kanak berumur antara 16 bulan hingga empat tahun yang berada di pusat asuhan kolej itu.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Jelatek, Isa Ahmad berkata, 25 anggota dari Balai Bomba Jelatek dan Jinjang dikerahkan ke tempat kejadian sejurus menerima laporan kejadian berkenaan kira-kira jam 5.18 petang.

“Semua mangsa yang terperangkap berjaya diselamatkan dalam masa 15 minit dan mereka semua tidak mengalami apa-apa kecederaan.

“Mereka dipindahkan ke tempat selamat sehinggalah air banjir mula surut sekitar jam 6.30 petang,” katanya ketika dihubungi *Berita Harian* semalam.

Pemilik kereta, Amir Subhi



JALAN Tun Abdul Razak, hadapan Perpustakaan Negara dinaiki air selepas hujan lebat selama dua jam setengah, semalam.

Wan Omar, 25, kakitangan TM yang sedang menjalani kursus selama tiga hari di kolej berkenaan hampir terperangkap dalam kenderaannya ketika cuba memandu keluar kereta jenis Proton Wira dari tempat letak kereta

kolej berkenaan apabila air banjir naik mendadak.

“Kursus tamat kira-kira jam 4.30 petang ketika keadaan masih hujan lebat dan saya lihat air sudah naik hingga paras betis. Saya bergegas memandu kereta saya

untuk keluar dari kawasan kolej namun terperangkap dalam kesesakan kira-kira 15 minit.

“Dalam tempoh itu, air mula naik hingga ke paras pinggang dan saya terus keluar dari kereta menye-

lamatkan diri dan tidak dapat berbuat apa-apa untuk menyelamatkan kereta saya yang mulai ditenggelami air sepenuhnya dalam masa beberapa minit saja,” katanya ketika ditemui semalam.